

JULAI 2022

Aspirasi Kemajuan

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my

MERAFAK SEMBAH DAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH

Sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke - 63 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 30 Julai 2022 bersamaan 1 Muharam 1443 Hijrah.

Sembah Takzim daripada Pengerusi, Ahli - Ahli Perbadanan, Pengurusan serta seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.



Daulat Tuanku

MERAFAK SEMBAH DAN SETINGGI-TINGGI UCAPAN TAHNIAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
(D.K.F., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.M.P., D.K. (Terengganu), D.K. (Selangor),
S.P.M.J., D.K. M.B. (Brunei), D.K. (Kedah), D.K. (Perlis), D.K. (Perak), D.K. (Selangor))

SULTAN DAN RAJA PEMERINTAH BAGI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
SERTA SEGALA JAJAHAN TAKLUKNYA

sempena
MEMULIAKAN SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KEPUTERAAN YANG KE-63
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG
PADA 30 JULAI 2022 (SABTU) BERSAMAAN 1 MUHARRAM 1444 HURAH

Sembah Takzim daripada
Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan
serta
Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP











KUNJUNGAN HORMAT POLYPLASTIC ASIA PASIFIC (JEPUN) KE PKNP



PKNP menjadi one - stop centre dalam menghubungkan pemain industri dan agensi kerajaan yang lain

Kuantan, 23 Julai - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek telah menerima kunjungan hormat baru - baru ini dari syarikat Polyplastic Asia Pacific (Jepun) diketuai oleh Encik Koji Oishi, Pegawai Eksekutif Pengurusan dan turut dihadiri oleh wakil Polyplastic Asia Pacific (Gebeng).

Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai isu bekalan air di Kawasan Perindustrian Gebeng yang mana pembentangan terperinci telah dibuat oleh Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), Encik Saiful Zaini Bokhari yang turut dijemput hadir ke sesi tersebut.









PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG


SELAMAT HARI RAYA AIDILADHA

سَلَامَتٌ مِّمَّيْوَتِ عَيْدِ الْاَضْحَى

10 JULAI 2022 | 10 ZULHIJAH 1443H

Kelias daripada
Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan
serta
Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP



CADANGAN PEMBANGUNAN KILANG PEMROSESAN BAHAN KIMIA GEBENG



Projek kilang pemprosesan bahan kimia ini dijangka dimulakan pembinaan pada suku tahun pertama tahun 2023.

Kuantan, 15 Julai - Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman telah menghadiri mesyuarat bagi membincangkan cadangan pembangunan kilang pemprosesan bahan kimia oleh syarikat May Chemical Sdn Bhd di atas tanah seluas 25.3 ekar di kawasan Perindustrian Gebeng Fasa 3 baru - baru ini di Bilik Teratai, Kompleks Teruntum.

Nilai pelaburan bagi projek ini dianggarkan berjumlah RM 100 juta - RM 120 juta dan dijangka membuka peluang pekerjaan kepada 200 - 300 orang.

Hadir sama Pengarah syarikat May Chemical Sdn Bhd, Dato' Danny Chu, Penolong Pengurus Perindustrian, Encik Mohd Rizal bin Redzuan dan Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani.

SESI UAT DAN LATIHAN MENAIK TARAF LAMAN SESAWANG INVEST IN PAHANG

Kuantan, 29 Julai - Sesi User Acceptance Testing (UAT) dan latihan menarik taraf Laman Sesawang Invest in Pahang telah diadakan pada 29 Jun - 1 Julai 2022 yang lalu di Dewan Seminar EDC Tingkat 3, Kompleks Teruntum.

Sesi ini telah disampaikan oleh Encik Roditeng Osman Teng dan melibatkan 7 orang anggota pekerja PKNP.



Sesi latihan selama 3 hari telah memberi pendedahan kepada para peserta yang terlibat

KEJOHANAN FUTSAL 4 PENJURU

Kuala Terengganu, 15 Julai - Kejohanan Futsal 4 Penjuru Perbadanan Kemajuan Negeri (PKEN) telah dianjurkan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) pada 15 - 16 Julai 2022 di Gelanggang futsal Unisza. PMINT memperoleh tempat pertama, Naib Johan dimenangi oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), tempat ketiga oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Kelantan (PKINK) dan tempat keempat oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)



Pasukan futsal PKNP menunjukkan semangat yang tinggi

CADANGAN PEMBANGUNAN 'SMART CITIES I.R 4.0' DI NEGERI PAHANG

Kuantan, 4 Julai - Satu sesi pembentangan telah dibuat oleh pihak Instrak Venture Capital (INSTRAKVC) bagi meninjau peluang untuk ber-sahasama dengan PKNP bagi membangunkan Smart Industrial City di Negeri Pahang dengan mengambilkira pengalaman dan kemahiran syarikat dalam Industri I.R 4.0. Selain itu, INSTRAK VC juga memaklumkan perkhidmatan lain yang dibuat oleh syarikat itu adalah sebagai perunding perniagaan dan kewangan terutamanya bagi membantu pengusaha kecil dan sederhana yang bermasalah dalam perniagaan.



PKNP mengalu-alukan para pelabur untuk menanam modal di Negeri Pahang

PKNP secara dasarnya menyambut baik cadangan pihak INSTRAKVC dan percaya bahawa pembangunan projek berasaskan Industrial Revolution 4.0 ini boleh direalisasikan di Negeri Pahang di masa akan datang. PKNP sebagai One Stop Agency (OSA) bagi sektor perkilangan di Negeri Pahang akan sentiasa membantu proses-proses yang terlibat ke arah menjayakan cadangan projek ini.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengurus Perindustrian PKNP, Tuan Haji Md. Daud bin Abdul Rahman dan hadir sama adalah Puan Dha-leazafarina Md. Zabani, Penolong Pengurus Perindustrian PKNP. Wakil daripada pihak INSTRAKVC adalah Profesor Ir. Dr. Noridah binti Ibrahim, Pengarah INSTRAKVC serta Ketua Pegawai Eksekutif syarikat, Encik Kahar bin Kamarudin.

KURSUS PROFESIONAL HALAL EKSEKUTIF

25 Julai, Bangi - Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim dan Penolong Pengurus Pembangunan Komuniti & Keusahawanan, Encik Muhammad Jabrul Akmal bin Mat Yahya telah menyertai Kursus Profesional Halal Eksekutif yang berlangsung selama 4 hari bermula 25 Julai hingga 28 Julai 2022 di Bangi Resort Hotel, Selangor.



Antara peserta yang hadir untuk Kursus Profesional Halal Eksekutif

Objektif kursus ini adalah untuk melatih peserta menjadi pembimbing usahawan dalam aspek halal.

Modul program merangkumi kesedaran terhadap aspek halal, jaminan kualiti halal, proses pentadbiran pensijilan halal dan manual serta rekod pentadbiran.



Proses pengauditan sedang dijalankan oleh para peserta

KELAS TAHQIQ & TAHSIN AL - QURAN

Kelas Tahqiq & Tahsin Al - Quran di bawah pimpinan Al - Fadhil Ustaz Zubair Malik dijadualkan berlangsung bermula 21 Julai 2022 setiap khamis selama 6 bulan.

Program anjuran Biro Agama dan Kebajikan Kelab Keluarga Kumpulan PKNP ini diadakan pada jam 12.00 tengah hari sehingga 1 petang di Dewan Seminar EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.



Pengajaran Al-Quran dilakukan mengikut modul yang berstruktur

Program ini diadakan untuk memberi peluang kepada anggota pekerja kumpulan PKNP untuk belajar kembali tajwid dan cara sebutan huruf. Malah, kelas selama enam bulan ini bertujuan untuk membantu kelancaran dan memantapkan bacaan.

PERLAWANAN PERSAHABATAN PKNP VS PASCORP PAPER INDUSTRIES BERHAD

Kuantan, 24 Julai - Perlawanan Persahabatan PKNP bersama Pascorp Paper Industries Berhad telah berlangsung pada 24 Julai 2022 melibatkan tiga sukan iaitu bowling, badminton dan karom. Sukan bowling telah diadakan di Kuantan Me-

galanes, Berjaya Megamall, Badminton di Pusat Badminton Semambu dan Karom di Tingkat 3, Kompleks Teruntum. Program ini diadakan untuk mengeratkan hubungan antara pekerja PKNP dan anak syarikat.



PERLAWANAN PERSAHABATAN PKNP VS MAJLIS BANDARAYA KUANTAN



KELAS TAHFIQ & TAHISIN AL - QURAN



PERLAWANAN PERSAHABATAN PKNP VS PASCORP PAPER INDUSTRIES BERHAD



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasi
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

JURUFOTO
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman